

# PM beri jaminan buka sempadan tak lama lagi

**Phnom Penh:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan kepada rakyat Malaysia di Kemboja, bahawa Malaysia akan membuka sempadannya tidak lama lagi, seterusnya memudahkan proses perjalanan terutama bagi mereka yang menetap di luar negara.

Perdana Menteri berkata, varian Omicron telah menyebabkan rancangan Malaysia untuk beralih ke peringkat endemik tertangguh, akhirnya turut melambatkan proses pembukaan sempadan.

"Kita hampir mengumumkan Malaysia telah memasuki peringkat endemik, tetapi pada Disember 2021 varian Omicron,

yang merebak pantas telah di-kesan. Omicron ini tidak seteru-ruk Delta. Ia cepat merebak tetapi tidak begitu berbahaya seperti Delta," katanya pada Majlis Makan Malam Bersama 'Keluarga Malaysia' di Kemboja, malam kelmarin.

Ismail Sabri berkata rakyat Malaysia perlu belajar untuk hidup dengan COVID-19 dan perlu menerimanya sebagai penyakit lain seperti denggi.

Sejak beberapa hari kebelakangan, kes COVID-19 di Malaysia telah mencecah lebih 27,000 setiap hari, namun majoriti kes adalah kategori 1 dan 2 berikutan kadar vaksinasi yang tinggi di negara ini.

"Saya tahu ramai antara anda tidak sabar untuk pulang ke rumah. Saya difahamkan ada antara anda yang sudah hampir dua tahun tidak pulang ke rumah. Jadi pada waktu yang terdekat, kita akan mula buka sempadan kita untuk seluruh dunia dan tuan-tuan boleh balik ke Malaysia," katanya.

Ada kira-kira 5,000 rakyat Malaysia menetap di Kemboja dengan 2,000 daripada mereka berada di sekitar ibu kota, Phnom Penh.

Turut hadir pada makan malam itu adalah Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Da-

tuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Kanan Jabatan Perdana Menteri Kemboja, Datuk Othman Hassan.

Othman juga adalah menteri bertanggungjawab dalam hal ehwal masyarakat Islam Kemboja.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, bantuan kepada komuniti Melayu Islam Champa di Kemboja dalam bidang pendidikan dan peluang pekerjaan akan dibincang lanjut dengan kerajaan negara itu.

Antara bidang dikenal pasti termasuk Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang dapat mewujudkan tenaga berkemahiran tinggi dalam ka-

langan 800,000 orang masyarakat Melayu Champa di negara berkenaan

"Untuk Datuk Othman, kita akan tengok apa yang boleh kita bantu dari segi pendidikan. Difahamkan ramai yang belajar di Kuala Lumpur," katanya.

Perdana menteri tiba di Kemboja kelmarin untuk lawatan rasmi dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala yang terjalin selama 65 tahun selain daripada perdagangan dan peluang pelaburan serta pergerakan rakyat antara kedua-dua negara. Sejurus tiba, beliau menerima kunjungan hormat Othman. BERNAMA